

SOALAN NO: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD

TARIKH: 11 JUN 2015

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan polisi Kerajaan menangani pengambilan pembantu rumah asing terutamanya dari Indonesia.

PR-1332-L68444

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Dasar Kerajaan mengenai pengambilan pekhidmat domestik Indonesia adalah tetap sama iaitu hendaklah melalui saluran Protokol Meminda MOU 2011. Struktur kos yang ditetapkan adalah pada kadar RM7,800.
2. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah mencapai persetujuan dengan Kerajaan Republik Indonesia untuk

memendekkan proses dan prosedur sedia ada daripada 82 hari kepada 42 hari bekerja dan perbincangan susulan sentiasa diadakan dari semasa ke semasa untuk menambahbaik proses sedia ada dan memperbanyakkan kemasukan pekhidmat domestik Indonesia.

3. Selain itu, dalam mengurangkan kebergantungan kepada pekhidmat domestik Indonesia, Kementerian Sumber Manusia juga sedang mengadakan rundingan untuk membuat MoU dengan beberapa negara sumber yang lain seperti Kemboja, Vietnam dan Sri Lanka berkenaan penggajian pembantu rumah asing.

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia juga, Kerajaan juga telah mengambil inisiatif dalam membantu rakyat mengurangkan beban dalam menguruskan hal ehwal rumahtangga antaranya menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak dan orang tua, menggalakkan penubuhan Pusat Asuhan Kanak-kanak (PAKK) di tempat kerja ataupun kawasan perumahan/komuniti serta mewujudkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia untuk melatih pekerja domestik.